

27 FEB 2001

BFA-REAKSI

BUTIRAN LEBIH TERPERINCI DIPERLUKAN BAGI CADANGAN CUKAI PRASARANA DR M

Oleh: Yong Soo Heong

BOAO (Hainan), 27 Feb (Bernama) -- Ketua-ketua asing berharap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad boleh menyediakan butiran lebih terperinci bagi cadangan cukai prasarananya.

Bekas perdana menteri Australia Bob Hawke dan bekas perdana menteri Jepun Yashuhiro Nakasone kedua-duanya berkata masih terlalu awal untuk mengulas merit daripada cadangan itu sehingga mereka menerima maklumat terperinci berhubung perkara itu.

Dr Mahathir mencadangkan satu agensi ditubuhkan di bawah naungan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mengutip cukai daripada negara-negara maju agar dana itu boleh disalurkan untuk membiayai program prasarana di negara-negara miskin.

Ini kerana kos prasarana adalah sangat tinggi dan negara-negara miskin pastinya tidak mampu untuk membina semua prasarana sendirian, kata Dr Mahathir dalam ucaptamanya di majlis perasmian Forum Boao bagi Asia (BFA), di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata pembangunan prasarana mampu memudahkan pembangunan negara-negara menerusi peluang pekerjaan dan hubungan perniagaan.

Nakasone, yang berkata beliau sudah lama mengenali Dr Mahathir dan gembira bekerjasama dengan Perdana Menteri Malaysia itu di forum antarabangsa memberitahu sidang akhbar di sini tiada angka khusus diberikan berhubung perkara itu.

Hawke, yang bersetuju dengan dengan cadangan Dr Mahathir berkata Perdana Menteri sepatutnya memberikan butiran yang lebih terperinci mengenai cadangan itu.

Sementara itu, Datuk Paduka Haji Suyoi Haji Osman, setiausaha tetap dalam Kementerian Hal Ehwal Luar Brunei berharap Dr Mahathir akan memberikan penjelasan lebih terperinci berhubung cadangan itu agar mereka mendapat pemahaman lebih jelas.

Sesetengah delegasi ke BFA yang tidak mahu namanya disiarkan berkata cadangan Dr Mahathir adalah satu jawapan yang tepat kepada isu pencarian dana yang sangat diperlukan bagi pembangunan prasarana.

"Pandangan Dr Mahathir begitu berkaitan dengan negara-negara miskin," kata seorang daripada delegasi itu.

Bagaimanapun, bekas presiden Filipina Fidel V. Ramos berkata cadangan cukai prasarana boleh mewujudkan beberapa kekeliruan.

Beliau merasakan lebih banyak perhatian harus diberikan kepada pembangunan sumber manusia berbanding prasarana. -- BERNAMA

SHY MFJ ZK